

# PELAN INTEGRITI ORGANISASI

---

**PEJABAT DAERAH /  
TANAH SEPANG  
TAHUN 2016-2020**



# KANDUNGAN

## KATA-KATA ALUAN PEGAWAI DAERAH SEPANG

### BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

1.2 Latar Belakang

### BAB 2 : FOKUS PELAKSANAAN

FOKUS 1 : Tadbir Urus

FOKUS 2 : Pengukuhan Integriti

FOKUS 3 : Pengesanan dan Pengesahan

FOKUS 4 : Pengurusan Aduan

FOKUS 5 : Pematuhan

FOKUS 6 : Tatatertib

### BAB 3 : MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

### BAB 4 : IKRAR INTEGRITI

### BAB 5 : PENUTUP

# **KATA-KATA ALUAN**

## **PEGAWAI DAERAH SEPANG**

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi dengan keizinan-Nya, Pelan Integriti Organisasi (PIO) Pejabat Daerah Tanah Sepang bagi tahun 2016-2020 telah berjaya dihasilkan.

Pelan ini diwujudkan selaras dengan Arahan Y.A.B Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014 : Gerakan Penetapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 : Penubuhan Unit Integriti di semua Agensi Awam.

PIO akan memandu pelaksanaan program-program Unit Integriti ke arah mewujudkan tadbir urus yang terbaik dan budaya kerja yang berkualiti di Pejabat Daerah Tanah Sepang.

Penekanan kepada enam (6) fungsi teras iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib menyokong kepada pelaksanaan PIO ini.

Saya berharap dengan adanya PIO ini, Pejabat Daerah Tanah Sepang akan melahirkan kakitangan yang berdisiplin dan mempunyai nilai integriti yang tinggi ke arah sistem penyampaian yang cekap dan berkualiti.

Sekian, terima kasih.

**PUAN ROSLINAH BINTI MD JANI**

PEGAWAI DAERAH SEPANG

# BAB 1 :PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Pelan Integriti Organisasi adalah satu fokus untuk memantapkan integriti secara menyeluruh dalam diri warga Pejabat Daerah/Tanah Sepang. Pelan ini dibentuk bagi menyokong matlamat dan mencapai objektif seperti yang telah digariskan dalam Pelan Integriti Nasional selaras dengan Visi dan Misi Jabatan :

- ❖ **VISI** – Peneraju Pentadbiran Terbaik Ke Arah Sepang Maju, Sejahtera dan Berkeadilan
  
- ❖ **MISI** – Memangkin Organisasi Melalui Perkhidmatan Yang Berkualiti Dan Mesra Bagi Mencapai Pembangunan Holistik Dan Seimbang

Pelan ini merupakan gerakan pemantapan integriti merangkumi semua pegawai dari peringkat pengurusan ke peringkat sokongan.

Bagi meningkatkan kecekapan tahap perkhidmatan dan sistem penyampaian, usaha membudayakan integriti dan nilai-nilai murni perlu dilaksanakan secara berterusan bagi semua warga kerja Pejabat Daerah/Tanah Sepang.



## 1.2 Latar Belakang

- ❖ **Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014**  
Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Penubuhan Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus (JITU) telah ditubuhkan menggantikan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) sebagai usaha pemantapan keutuhan sistem pengurusan dan pentadbiran, meningkat tadbir urus terbaik dan mengurangkan karenah birokrasi.
  
- ❖ Sehubungan dengan itu, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 telah diedarkan bagi memaklumkan Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam dan Pejabat Daerah / Tanah Sepang juga telah menubuhkan Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus (JITU).
  
- ❖ Carta organisasi Unit Integriti PDT Sepang adalah seperti berikut:



# CARTA ORGANISASI UNIT INTEGRITI PEJABAT DAERAH TANAH SEPANG



## BAB 2 : FOKUS PELAKSANAAN

1

• Tadbir Urus

2

• Pengukuhan Integriti

3

• Pengesanan dan Pengesahan

4

• Pengurusan Aduan

5

• Pematuhan

6

• Tatatertib

---

## FOKUS 1 : TADBIR URUS

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	KUMPULAN SASARAN	MATLAMAT	TEMPOH PELAKSANAAN	PETUNJUK KEBERKESANAN/KPI
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)	Semua jabatan Daerah Sepang	Memastikan pelaporan Integriti oleh Jabatan dipantau dan perkongsian bijak dapat dilaksanakan.	2016-2020	Bilangan Mesyuarat JITU
2.	Mewujudkan Jawatankuasa Audit Nilai	Semua kakitangan PDT Sepang	Memperbaiki dan tambah baik sebarang kelemahan berdasarkan aduan / maklum balas pelanggan	2016-2020	Pencapaian 80% atas oleh penialian interaktif JPA



BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	KUMPULAN SASARAN	MATLAMAT	TEMPOH PELAKSANAAN	PETUNJUK KEBERKESANAN/KPI
3.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	Semua kakitangan PDT Sepang	Memberi pengiktirafan dan penghargaan ke atas segala sumbangan dan jasa pegawai & kakitangan tersebut	Tahunan	8% daripada jumlah kakitangan mendapat pengiktirafan
4.	Pencalonan pingat, bintang dan darjah kebesaran			Tahunan (tertakluk kepada pelawaan pencalonan)	Sekurang-kurang lima (5) pencalonan
5.	Anugerah Pekerja Cemerlang (suku tahun)			Suku tahun atau 4 kali setahun	4 orang pekerja akan menerima pengiktirafan setiap tahun
6.	Anugerah Khas <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sukan</li> <li>- Siti Khadijah</li> <li>- Kebajikan</li> <li>- 25 tahun perkhidmatan</li> </ul>			Tahunan	Setiap kategori anugerah terdapat penerima pengiktirafan

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	KUMPULAN SSARAN	MATLAMAT	TEMPOH PELAKSANAAN	PETUNJUK KEBERKESANAN/KPI
7.	Majlis Bersama Jabatan	Semua warga kerja PDT Sepang	Memberi pengiktirafan dan penghargaan ke atas segala sumbangan dan jasa pegawai & kakitangan tersebut	Setiap Tahun	Dilaksanakan sebanyak 4 kali setahun
8.	Program / aktiviti <ul style="list-style-type: none"> <li>- Team building</li> <li>- Hari Keluarga</li> <li>- Pemberian Duit Hari Raya</li> <li>- Lawatan</li> <li>- Agihan Wang Ganjaran Kutipan Hasil</li> <li>- Khatam Al-Quran</li> </ul>			Setiap tahun	Sekali setahun

## FOKUS 2 : PENGUKUHAN INTEGRITI

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	KUMPULAN SASARAN	MATLAMAT	TEMPOH PELAKSANAAN	PETUNJUK KEBERKESANAN/KPI
1.	Menganjurkan ceramah, kursus dan latihan dalaman berkaitan integriti dan nilai-nilai murni. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ceramah</li> <li>- Bacaan Yassin</li> <li>- <i>Book review</i></li> </ul>	Semua warga kerja	Memberi dan meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan kesedaran tentang integrity serta memupuk budaya integriti	2016-2020	Kajian Kepuasan Pekerja melebihi 80%
2.	Mempamer, mengedar dan menghebahkan pamflet berkaitan integriti				
3.	Kempen nilai-nilai murni seperti senyum, ucapan terima kasih, sopan santun dan lain-lain	Semua warga kerja	Memupuk budaya integriti	Sepanjang masa	Penurunan kes tatatertib  Penurunan aduan yang berkaitan salah laku  Peningkatan kepuasan pelanggan

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	KUMPULAN SASARAN	MATLAMAT	TEMPOH PELAKSANAAN	PETUNJUK KEBERKESANAN/KPI
4.	Menggalakkan kehadiran program/aktiviti yang dianjurkan oleh jabatan kerajaan (dalaman & luaran) seperti perhimpunan bulanan jabatan	Semua warga kerja	Memberi dan meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan kesedaran tentang integriti	Sepanjang tahun	<p>Peningkatan produktiviti dalam melaksanakan tugas di lihat di dalam pencapaian SKT dan LNPT</p> <p>Penurunan /sifar masalah berkaitan ketidakpatuhan peraturan</p>
5.	Kempen nilai-nilai murni seperti senyum, ucapan terima kasih, sopan santun dan lain-lain	Semua warga kerja	Memupuk budaya integriti	Sepanjang masa	<p>Penurunan kes tatatertib</p> <p>Penurunan aduan yang berkaitan nilai murni</p> <p>Peningkatan kepuasan pelanggan</p>

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	KUMPULAN SASARAN	MATLAMAT	TEMPOH PELAKSANAAN	PETUNJUK KEBERKESANAN/KPI
6.	Ikrar Integriti dan Perkhidmatan Awam (setiap kali perhimpunan jabatan)	Semua warga kerja	Memberi peringatan berkaitan integriti dalam diri setiap kakitangan.	Sepanjang tahun	Peningkatan produktiviti dalam melaksanakan tugas di lihat di dalam pencapaian SKT dan LNPT
7.	Program kaunseling atau AKRAB	Pelaku kesalahan / Pegawai yang bermasalah dan kakitangan baru	Memberi kesedaran dan membuat dan pembetulan secara konsisten	2016-2020	Sesi kaunseling (5-10 sesi tertakluk kepada perubahan individu)
8.	Program pementoran				Sesi pementoran (6-12 bulan atau 10 kali perjumpaan)
9.	Mengadakan Hari Integriti PDT Sepang	Semua warga kerja	Memberi kesedaran mengenai nilai-nilai integriti	2016-2020	Sekali setahun

## FOKUS 3 : PENGESANAN DAN PENGESAHAN

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	KUMPULAN SASARAN	MATLAMAT	TEMPOH PELAKSANAAN	PETUNJUK KEBERKESANAN/KPI
1.	Mesyuarat Bulanan Bahagian	Bahagian / Unit	Membincangkan masalah kakitangan di peringkat bahagian/unit masing-masing	2016-2020	Jumlah mesyuarat
2.	Pemantauan Penyelia	Pelaku kesalahan / Pegawai yang bermasalah	Memberi kesedaran dan membuat penambahbaikan dan pembedulan secara konsisten	2016-2020	12 kali perjumpaan
3.	Permohonan Tapisan Keutuhan SRRM	Kakitangan yang akan naik pangkat	Membuat pengesanan awal bagi kakitangan bermasalah	Setiap tahun	5 orang kakitangan setahun

## FOKUS 4 : PENGURUSAN ADUAN

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	KUMPULAN SASARAN	MATLAMAT	TEMPOH PELAKSANAAN	PETUNJUK KEBERKESANAN/KPI
1.	Pemantauan aduan melalui Mesyuarat Aduan	Warga kerja & pelanggan 'stakeholder'	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperbaiki dan tambah baik sebarang kelemahan berdasarkan aduan yang diterima</li> <li>• Memantapkan sistem pengurusan aduan mengenai salah laku jenayah dan pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi</li> </ul>	Sepanjang tahun	Jumlah aduan

## FOKUS 5 : PEMATUHAN

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	KUMPULAN SASARAN	MATLAMAT	TEMPOH PELAKSANAAN	PETUNJUK KEBERKESANAN/KPI
1.	Laporan Kad Perakam Waktu	Semua warga kerja	Penambahbaikan kecekapan penyampaian perkhidmatan	2016-2020	Laporan disediakan setiap bulan
2.	Pematuhan Kriteria Anugerah Perkhidmatan Pejabat Cemerlang (APPC)	Semua warga kerja	Memastikan pematuhan kepada Kriteria Anugerah Perkhidmatan Pejabat Cemerlang (APPC) dipatuhi	2016-2020	Mendapat markah melebihi 80%
3.	Pematuhan Kriteria Penilaian Penarafan Bintang (SSR)	Semua warga kerja	Memastikan pematuhan kepada Penilaian Penarafan Bintang (SSR) dipatuhi	2016-2020	Mendapat sekurang-kurangnya 4 bintang
4.	Pengekalan Sijil MS ISO 9001:2008	Semua warga kerja	Memastikan prosedur yang telah dipersijilkan dipatuhi	2016-2020	Pensijilan dikekalkan tanpa NCR
5.	Mengeluarkan Arahan Pentadbiran	Semua warga kerja	Memberi kesedaran kepada peraturan sedia ada	Dari semasa ke semasa	Penurunan / sifar masalah pelanggaran ketidakpatuhan peraturan dan kes tatatertib




BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	KUMPULAN SASARAN	MATLAMAT	TEMPOH PELAKSANAAN	PETUNJUK KEBERKESANAN/KPI
6.	<p>Menyediakan Laporan Statistik Penjawat Awam kepada Unit Integriti (suku tahun)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Permohonan menjalankan pekerjaan luar</li> <li>(ii) Pemberian dan penerimaan hadiah</li> <li>(iii) Penglibatan dalam aktiviti politik</li> <li>(iv) Keahlian Kelab Golf dan Rekreasi</li> <li>(v) Penglibatan Pegawai Awam dalam Perniagaan Atas Talian</li> </ul>	Semua warga kerja	Memastikan pematuhan kepada Peraturan Am dan Pekeliling Perkhidmatan dipatuhi	Sepanjang tahun	Empat laporan dihantar setiap tahun kepada Unit Integriti (setiap suku tahun)

## FOKUS 6 : TATATERTIB

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	KUMPULAN SASARAN	MATLAMAT	TEMPOH PELAKSANAAN	PETUNJUK KEBERKESANAN/KPI
1.	Tindakan tatatertib	Pelaku kesalahan/pegawai yang bermasalah	Menjadi amaran kepada pelaku dan pengajaran kepada yang lain	Dari semasa ke semasa (bergantung kepada kes)	Penurunan/sifar masalah pelanggaran ketidakpatuhan peraturan dan kes tatatertib
2.	Laporan tatatertib Pegawai Awam setiap suku tahun	Semua warga kerja	Memantau tatalaku kakitangan awam	2016-2020	4 kali setahun
3.	Laporan kedudukan pendapatan bersih Penjawat Awam yang kurang dari 40% dari emolumen bulanan setiap suku tahun	Semua warga kerja	Memantau kakitangan yang menghadapi masalah kewangan	2016-2020	4 kali setahun

## BAB 3 : MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTUAN

Bagi memastikan Pelan Integriti Organisasi dilaksanakan mengikut perancangan, ianya dipantau menerusi kaedah seperti berikut :



# PEMANTAUAN KEBERKESANAN PELAN

## LAPORAN PELAKSANAAN

PELAN TINDAKAN PELAN INTEGRITI ORGANISASI PEJABAT DAERAH/ TANAH SEPANG

TAHUN : \_\_\_\_\_

BAHAGIAN / UNIT :  
BULAN :  
STRATEGI :

BIL	STRATEGI	PROGRAM / AKTIVITI	TEMPOH PELAKSANAAN	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TEMPOH PELAKSANAAN	CATATAN

## **BAB 4 : IKRAR INTEGRITI**

Bahawasanya kami, seluruh warga kerja Pejabat Daerah/Tanah Sepang berikrar;

- ❖ Tidak akan sama sekali secara sendiri atau wakil atau melalui mana-mana ejen melakukan apa-apa kesalahan rasuah atau sebarang bentuk penyelewengan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Kanun Keseksaan atau peruntukan undang-undang lain yang berkuasa bagi memastikan organisasi, stakeholder dan pelanggan kami terpelihara;
- ❖ Tidak akan menjalankan apa-apa amalan tadbir urus atau aktiviti-aktiviti yang memerlukan atau menggalakkan mana-mana pekerja, wakil atau ejen untuk melakukan sebarang bentuk kesalahan rasuah;
- ❖ Akan bersama-sama dengan pelanggan, agensi kawal selia dan agensi penguatkuasaan undang-undang bagi mewujudkan persekitaran tadbir urus yang bebas daripada rasuah;
- ❖ Akan mendukung Prinsip-prinsip Pencegahan Rasuah di Malaysia dalam menjalankan tadbir urus dan interaksi dengan pelanggan, stakeholders dan agensi Kerajaan; dan
- ❖ Akan bertindak dengan tegas terhadap mana-mana warga kerja atau pihak yang melakukan perbuatan amalan rasuah dan yang boleh menggugat integriti serta menjatuhkan imej Pejabat Daerah/Tanah Sepang dan Kerajaan Negeri Selangor.

## BAB 5 : PENUTUP

Pelan Integriti Organisasi ini diharapkan akan menjadi pemangkin kepada pentadbiran organisasi yang lebih telus dan berintegriti. Nilai-nilai murni yang diterapkan juga akan menjadi asas ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang berintegriti.

Pemantauan juga akan dibuat secara berkala bagi memastikan pelan ini berada di landasan yang betul dan program-program yang dirancang dilaksanakan sebaiknya.

Pelan ini juga diharapkan dapat diterjemahkan dalam tempoh lima tahun akan datang ke arah sistem penyampaian yang cekap, telus dan mesra di Pejabat Daerah/Tanah Sepang.

**“Membudayakan Integriti Masyarakat Malaysia Tanggungjawab Bersama”**

